



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

Tel : 603 – 88832545  
Faks : 603 – 88895542  
E-mail : anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM87/P1/1/1/3 Jld.2 (18)  
Tarikh : 13 Februari 2013

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

*YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN  
3 TAHUN 2013: PELAKSANAAN MODUL PENDERMAAN ORGAN  
SEBAGAI SALAH SATU TAJUK CERAMAH CPD SEMASA LATIHAN  
PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak Polisi Transplantasi Organ, Tisu dan Sel Kebangsaan (ruj. MOH/P/PAK/131.07(BP) bertarikh Jun 2007) dilulus dan dilaksanakan, tahap kesedaran orang awam mengenai pendermaan organ secara amnya telah menunjukkan peningkatan hasil daripada langkah-langkah yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun, pihak Kementerian menyedari bahawa tahap kesedaran ini perlu dipertingkatkan lagi khususnya untuk tempoh jangkama panjang.
3. Kesedaran anggota perubatan mengenai pendermaan organ merupakan salah satu faktor penting yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian sewajarnya. Ini adalah kerana anggota perubatan dari pelbagai kategori merupakan sumber maklumat yang penting untuk orang awam.

4. Selaras dengan Pelan Strategik Kesedaran Pendermaan Organ, semua hospital yang melaksanakan latihan pegawai perubatan siswazah (PPS) diminta untuk melaksanakan modul pendermaan organ sebagai salah satu tajuk ceramah *Continuing Professional Development* (CPD) semasa latihan PPS. Langkah yang memberi fokus terhadap golongan pelapis ini bertujuan untuk memperbaiki tahap kesedaran serta penerimaan di kalangan anggota perubatan khususnya pegawai perubatan untuk tempoh jangkamasa panjang.

5. Tatacara pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i. Pembentangan pendermaan organ dalam tajuk ceramah CPD ini dilaksanakan semasa penempatan kelima (*fifth posting*) PPS iaitu sama ada di penempatan Anaesthesia atau Perubatan Kecemasan;
- ii. Tarikh sesi pembentangan CPD pendermaan organ perlu dikenalpasti sebagaimana dengan tajuk CPD yang lain;
- iii. Pembentangan CPD pendermaan organ perlu disampaikan sendiri oleh PPS dan diselia oleh pegawai perubatan pakar yang dikenalpasti oleh pihak Jabatan;
- iv. Sebelum pembentangan CPD tersebut, PPS perlu dibekalkan dengan "*Lecture Brief: CPD For Housemen On Organ Donation*" (Lampiran I) sebagai rujukan;
- v. Pegawai perubatan pakar yang akan menyelia sesi pembentangan perlu dibekalkan dengan "*Framework and Teaching Notes: CPD For Housemen On Organ Donation*" (Lampiran II) sebagai rujukan bagi mengendalikan sesi tersebut;
- vi. Pelaksanaan dan kehadiran sesi pembentangan tersebut perlu direkodkan di dalam Buku Log PPS;
- vii. Sekiranya perlu, bahan-bahan pendidikan atau maklumat tambahan mengenai pendermaan organ boleh didapati dari Pusat Sumber Transplan Nasional (alamat/ no. tel. seperti di bawah).

6. Buku Log Latihan PPS akan dikemaskini pada masa akan datang dengan mengambilkira keperluan melaksanakan Surat Pekeliling ini.
7. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini, sila hubungi:

**Bahagian Perkembangan Perubatan**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E1, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya  
Pej (603) 88833888 atau (603) 88831165  
Faks (603) 88831155  
Emel transplantation\_unit@moh.gov.my

**Pusat Sumber Transplan Nasional**


Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur  
Pej (603) 26810681  
Faks (603) 26810680  
Talian bebas tol 1-800-88-9080  
Emel ntrc@hkl.moh.gov.my

8. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

*Yang ikhlas,*



**(Datuk Dr Noor Hisham Abdullah)**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
b.p Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan KPK (Perubatan)
- Timbalan KPK (Kesihatan Awam)
- Timbalan KPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
- Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
- Pengarah Kanan (Keselamatan & Kualiti Makanan)